LIM CHIN TEE

lwn.

NORAZITA BTE MD NOH & 2 LAGI (KANAK-KANAK) SEBAGAI TANGGUNGAN ROSZAINITA BTE A. BAKAR & MD NOH BIN RAHMAT (SIMATI) MENDAKWA MELALUI NENEK DAN SAHABAT MEREKA ROBIAH BTE AHMAD DAN MARIAM BTE KARTAWI & 2 YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
DATO' MOHD. GHAZALI BIN MOHD. YUSOFF H
[RAYUAN SIVIL NO: 12-48-93]
31 JULAI 1995

TORT: *Kemalangan jalanraya mengakibatkan maut - Rayuan terhadap kesahihan awad gantirugi yang diberi oleh Mahkamah perbicaraan - Awad kehilangan penyara bagi ibu simati - Samada adalah keterlaluan - Samada plaintiff perlu membuktikan bahawa ia bergantung semata-mata kepada sumbangan simati - Simati seorang pegawai kerajaan - Awad bagi kehilangan faedah mendiami rumah kerajaan - Rujukan kepada Bab E, Perintah-Perintah Am - Samada kebenaran mendiami rumah kerajaan merupakan satu hak istimewa - Awad-awad berasingan diberi bagi kehilangan khidmat simati selaku ibu dan khidmatnya sebagai pengurus rumah tangga - Samada berpatutan - Samada merupakan awad bertindan - Samada pendarab yang digunakan adalah tidak berasas - Rujukan kepada kes Chong Pik Sing & Anor. v. Ng Mun Bee & Ors.*

[English *Translation of Catchwords]*

TORT: *Fatal accident - Appeal on validity of award of damages granted by trial Court - Award for loss of dependency by mother of deceased - Whether excessive - Whether plaintiff required to prove she was solely dependant on contribution of deceased - Deceased a civil servant - Award for loss of benefit of government housing - Reference to Chapter E, General Orders - Whether permission to stay in government housing a special right - Separate awards granted for loss of services of deceased mother and for loss of her services as housekeeper - Whether proper - Whether awards overlapping - Whether multiplier relied on baseless - Reference to case of Chong Pik Sing & Anor. v. Ng Mun Bee & Ors.*

Dalam kes ini, yang berpunca dari satu kemalangan jalanraya, kereta yang dipandu oleh defendan/perayu telah melanggar sebuah motosikal dimana penunggang motosikal itu dan pemboncengnya telah meninggal dunia. Dua tuntutan sivil telah dibawa oleh tanggungan simati dimana kedua-dua tuntutan sivil tersebut telah disatukan dan ini merupakan rayuan defendan terhadap, kesahihan beberapa awad yang telah diberi oleh Hakim perbicaraan kepada tanggungan simati.

Pihak defendan berhujah bahawa plaintif kedua, ibu simati, tidak berhak mendapat awad yang diberi bagi kehilangan penyara kerana plaintif itu tidak dapat membuktikan bahawa ia bergantung semata-mata kepada sumbangan simati. Peguam pihak defendan juga bertikai awad yang diberi bagi kehilangan faedah mendiami rumah kerajaan sebagai tidak berasas.

Disamping itu defendan juga mengatakan bahawa keputusan Mahkamah perbicaraan mengawadkan gantirugi bagi kehilangan khidmat pengurusan rumah tangga oleh simati selaku ibu dan gantirugi bagi kehilangan khidmat simati selaku ibu secara berasingan adalah bertindan

dan tidak munasabah. Beliau juga bertikai pendarab yang digunakan bagi menghitung tuntutan ini sebagai tidak berasas dan merujuk kepada kes *Chong Pik Sing & Anor. v. Ng Mun Bee & Ors.*

Diputuskan:

[1] Adalah jelas bahawa seorang ibu tidak dihalang menuntut gantirugi bagi kehilangan penyara akibat kernatian anaknya di bawah s. 7 Akta Undang-Undang Sivil 1956. Walaupun keterangan di dalam kes ini menunjukkan nafkah atau bantuan yang plaintiff kedua menerima atau mengharapkan daripada simati tidak begitu tepat, tidak boleh dipertikaikan bahawa keterangan menunjukkan simati menanggung ibunya, mengikut kemampuannya. la adalah munasabah dan bukanlah satu perkara luar biasa bagi simati menanggung ibunya walaupun simati telah berkahwin dan ada keluarga sendiri. Darapan RM75 yang digunakan dengan pendarab 16 tahun yang ditetapkan oleh Hakim perbicaraan bagi menghitung gantirugi ini tidak keterlaluan dan rayuan defendan terhadap awad ini hendaklah ditolak.

[2] Faedah mendiami rumah kerajaan adalah tertakluk kepada perintah-perintah yang terdapat di dalam Bab E, Perintah-Perintah Am yang terpakai kepada semua pegawai kerajaan termasuk simati. Kebenaran mendiami rumah kerajaan hanya merupai satu kemudahan yang boleh ditarik balik pada bila-bila masa dan bukanlah satu hak istimewa. Faedah ini hanya diberi kepada pegawai-pegawai tertentu sahaja seperti dijelaskan di dalam Perintah-Perintah Am tersebut dan keterangan di dalam kes ini tidak menunjukkan simati jatuh dibawah golongan ini. Oleh yang demikian awad yang diberi oleh Hakim perbicaraan bagi kehilangan faedah mendiami rumah kerajaan adalah terlalu "remote" dan rayuan defendan terhadap awad ini patut dibenarkan.

[3] Awad yang diberi oleh Hakim perbicaraan secara berasingan itu bertindan dan dengan merujuk kepada kes *Chong Pik Sing & Anor. v. Ng Mun Bee & Ors*., pendarab yang digunakan adalah keterlaluan. Dalam keadaan sedemikian kedua-dua awad itu hendaklah diketepikan dan digantikan dengan satu awad sahaja, iaitu, bagi "loss of general house-keeping services of deceased as a mother", mendasarkan darapan RM350 dengan pendarab sesudah perbicaraan sebanyak 8 tahun.

[Perintah-perintah sewajarnya]

Kes-kes yang dirujuk:
Chan Chin Min & Anor. v. Lim Yoke Eng (Lawful Mother of Gan Swee Hock, deceased) [1994] 3 CLJ 687 ***(dirujuk)***
Ng Siew Choo v. Tan Kian Choon [1990] (Suit No. 1801 of 1987) MMD 1017 ***(dirujuk)***
Clay v. Pooler [1982] 3 All ER 570 ***(dibezakan)***
Chong Pik Sing & Anor. v Ng Mun Bee & Ors. [1985] 1 MLJ 433 ***(diikuti)***
Mehmet v. Perry [1977] 2 All ER 529 ***(dirujuk)***
Regan v. Williamson [1976] 2 All ER 241 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Undang-undang Sivil 1956, s. 7
Perlembagaan Persekutuan, Fasal (2), Perkara 132

Sumber lain yang dirujuk:
"*Personal lnjury Litigation - Practice and Precedents*", Iain S. Goldrein dan Margaret R. de Haas (Butterworths - 1985), m.s. 131
Bab E, Perintah-perintah Am 2, 3, 5

Bagi pihak perayu - Raja Badrol Hisham bin Raja Mohd Ali; T/n. Taye & Co. Melaka
Bagi pihak responden-responden - Tan Hock Kim; T/n. Tan & Tan, Johor Bahru

PENGHAKIMAN

Mohd. Ghazali Mohd. Yusof H:

Ini adalah satu rayuan oleh pihak defendan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen, Mahkamah Sesyen, Johor Bahru (selepas ini dirujuk sebagai "hakim perbicaraan") yang melibatkan dua tuntutan sivil yang telah disatukan dan berpunca daripada satu kemalangan jalan raya.

Fakta-fakta kes menunjukkan pada 12 February, 1991, semasa satu Md. Noh bin Rahmat sedang menunggang motosikalnya, nombor pendaftaran JBJ 1722 dengan isterinya, Roszainita bte A. Bakar sebagai pembonceng, di Jalan Alsagoff, Pontian, Johor menghala ke Benut, satu motokar nombor pendaftaran WAW 7504 yang dipandu oleh defendan dari arah bertentangan, telah melanggarnya. Akibat daripada kemalangan itu, kedua-duanya Md Noh dan isterinya telah meninggal dunia.

Di dalam kes pertama, iaitu, Guaman Sivil No. 53-396-93-1, anak-anak pasangan simati selaku plaintif pertama, dan ibu kepada Md Noh bin Rahmat, simati selaku plaintif kedua, telah membuat tuntutan ganti rugi sebagai orang-orang tanggungan bagi kehilangan penyara (loss of support) di bawah s. 7 Akta Undang-Undang Sivil 1956 (selepas in dirujuk sebagai 'Akta tersebut") dan di dalam kes kedua, iaitu, Guaman Sivil No. 53-397-93-1, anak-anak pasangan simati selaku plaintif pertama, dan ibu kepada Roszainita bte A Bakar, simati selaku plaintif kedua, telah juga membuat tuntutan yang sama di bawah seksyen dan Akta yang sama.

Keterangan yang tidak dipertikaikan menunjukkan Md Noh, simati dan isterinya Roszainita, simati berumur 30 tahun dan 25 tahun masing-masing pada tarikh kejadian. Keterangan juga menunjukkan Md Nor, simati bekerja dengan Jabatan Kerja Raya di Pontian, Johor dan gajinya termasuk elaun perkhidmatan awam ialah RM475 sebulan. la juga diberi faedah mendiami rumah kerajaan dengan sewa bulanan sebanyak RM4. Tidak dipertikaikan juga bahawa umur anak-anak pasangan simati pada tarikh kernalangan adalah seperti berikut

(i) Norazita - 12 tahun;

(ii) Nor Azliana - 8 tahun; dan

(iii) Nor Azieani - 2 tahun.

Di akhir perbicaraan, hakim perbicaraan mendapat liabiliti defendan terhadap kemalangan adalah 100% dan berikutnya telah mengaward ganti rugi seperti berikut:

(A) Guaman Sivil No. 53-396-93-1:

Hakim perbicaraan mendapat bahawa Md Noh, simati, berpendapatan RM475 sebulan dan selepas ditolak RM180 bagi sara hidup, ia mengaward ganti rugi bagi kehilangan penyara (loss of support) bagi kedua-dua plaintif mendasarkan pendarab (multiplier) 16 tahun, dengan menggunakan darapan (multiplicand) RM220 bagi tuntutan plaintif pertama dan darapan (multiplicand) RM75 bagi plaintif kedua, seperti berikut:

(a) plaintif pertama:

(i) kehilangan sebelum perbicaraan RM220 x 25 bulan	RM 5,500
(ii) kehilangan sesudah perbicaraan RM220 x 167 bulan	RM36,740
Jumlah	RM42,240

(b) plaintif kedua:

(i) kehilangan sebelum perbicaraan RM75 x 25 bulan	RM 1,875
(ii) kehilangan sesudah perbicaraan RM75 x 167 bulan	RM12,525
Jumlah	RM14,400

Hakim perbicaraan juga membenarkan faedah pada kadar 4% setahun bagi amaun ganti rugi ke atas kehilangan sebelum perbicaraan daripada tarikh kemalangan.

Sebagai tambahan kepada tuntutan kehilangan penyara ini, pihak plaintif juga menuntut ganti rugi untuk kehilangan faedah mendiami rumah kerajaan. Setelah membandingkan sewa rumah kerajaan itu, iaitu, RM4 sebulan, dengan sewa rumah yang bukan rumah kerajaan di pasaran tempatan, yang ia mendapat adalah RM120 sebulan (perbezaannya adalah RM116), hakim perbicaraan telah mengaward, mendasarkan pendarab (multiplier) 16 tahun dengan menggunakan darapan (multiplicand) RM116, seperti berikut:

(a) RM2,900 bagi kehilangan sebelum perbicaraan, iaitu, daripada 12 Februari 1991 sehingga 18 Julai 1993 (RM116 x 25 bulan) dan membenarkan faedah pada kadar 4% dari tarikh kemalangan; dan

(b) RM 13,660* bagi kehilangan sesudah perbicaraan (RM 116 x 167 bulan).

[* Saya tidak dapat mempastikan bagaimana Hakim perbicaraan mendapat amaun sejumlah ini (RM13,660) - menurut perhitungan saya, RM116 x 167 = RM19,372.]

Hakim perbicaraan telah juga mengaward (pada kadar 4% dari tarikh kemalangan) seperti berikut

(a) RM1,500 bagi perbelanjaan pengkebumian;

(b) RM40 (seperti dipersetujui) bagi kos laporan bedah siasat;

(c) RM5 (seperti dipersetujui) bagi fee sijil kematian; dan

(d) RM2,500 bagi kos membaiki motosikal No. JBJ 1722.

Hakim perbicaraan juga perintahkan kos hendaklah dibayar oleh pihak defendan.

(B) Guaman Sivil No. 53-397-93-1:

Tuntutan ganti rugi bagi kehilangan penyara (loss of support) oleh kedua-dua plaintif di bawah guaman ini mendasarkan mata pencarian tidak dibenarkan oleh Hakim perbicaraan dan keputusan ini tidak dipertikaikan oleh pihak plaintif. Walau bagaimanapun Hakim perbicaraan telah mengaward ganti rugi mengenai:

(a) kehilangan khidmat pengurusan rumah-tangga oleh simati selaku ibu (loss of general house-keeping services of deceased as a mother) dengan menggunakan darapan (multiplicand) RM350 dengan pendarab 13 1/3 tahun seperti berikut:

(i) sebelum perbicaraan - RM8,750 (RM350 x 25 bulan); dan

(ii) sesudah perbicaraan - RM35,900* (RM350 x 135 bulan) mendasarkan "jadual aktuari";

[*Jika perhitungan dibuat secara terus, jumlahnya ialah - RM350 x 135 = RM47,250]

(b) kehilangan khidmat simati selaku ibu (loss of deceased's services as a mother) dengan menggunakan darapan (multiplicand) RM100 dengan pendarab (multiplier) yang sama, iaitu, 13 1/3 tahun (sehingga anak-anak berkenaan mencapai umur 15 tahun) seperti berikut:

(i) sebelum perbicaraan - RM2,500 (RM100 x 25 bulan);

(ii) sesudah perbicaraan - RM10,008* (RMl00 x l35 bulan) mendasarkan "jadual aktuari".

[*Jika perhitungan dibuat secara terus, jumlahnya ialah - RM100 x 135 = RM13,500].

Hakim perbicaraan telah juga mengaward (pada kadar 4% setahun dari tarikh kemalangan) seperti berikut:

(a) RM1,500 bagi perbelanjaan pengkebumian;

(b) RM40 bagi, kos laporan bedah siasat (seperti dipersetujui); dan

(c) RM5 bagi fee sijil kematian (seperti dipersetujui).

Hakim perbicaraan juga perintahkan kos hendaklah dibayar oleh pihak defendan.

Pada asalnya, pihak defendan telah merayu terhadap keseluruhan keputusan Hakim perbicaraan. Walau bagaimanapun, pada permulaan rayuan ini, Peguam defendan (perayu) telah memaklum ia mengakui tentang keputusan Hakim perbicaraan mengenai liabiliti dan oleh itu hanya bercadang meneruskan rayuannya terhadap kesahihan beberapa award yang telah diberi.

(A) Guaman Sivil No. 53-396-93-1:

Di bawah guaman ini, Peguam defendan (perayu) bertikai award yang diberi bagi kehilangan penyara (loss of support) oleh plaintif kedua, iaitu, ibu Md Noh, simati, adalah keterlaluan. la berhujah plaintif kedua tidak berhak mendapatnya kerana plaintif itu tidak dapat membuktikan bahawa ia bergantung semata-mata. kepada sumbangan simati. la juga menegaskan bahawa. plaintif itu telahpun memberi keterangan bahawa simati memberinya wang secara tidak tetap dan berikutnya merujuk kepada muka surat 47 dan 48 rekod rayuan dimana plaintif kedua, semasa. ia. memberi keterangan, telah berkata seperti berikut:

(i) di m.s. 47 - "Semasa hidup, dia ada beri RM100 - tak tentu - kadang-kadang dua bulan sekali"; dan

(ii) di m.s. 48 - "Sekali bagi - anak saya beri RM100 - kadang sebulan sekali - kadang sekali dua bulan".

Peguam kemudian berhujah untuk tuntutan ganti rugi bagi kehilangan ini, tuntutan hendaklah mendasarkan amaun yang tetap; disamping itu, Hakim perbicaraan menggunakan darapan (multiplicand) RM75 dan pendarab (multiplier) 16 tahun yang mana adalah tidak berasas. la berhujah award ini sepatutnya diketepikan tetapi sekiranya Mahkamah ini mengesahkan award ini boleh dibenarkan, perhitungannya hendaklah mendasarkan pendarab (multiplier) kurang daripada 16 tahun dan berikutnya mencadangkan pendarab (multiplier) ditetapkan pada 7 tahun seperti dibuat oleh Mahkamah Agung di dalam kes *Chan Chin Min & Anor. v. Lim Yoke Eng (Lawful Mother of Gan Swee Hock, deceased)* [1994] 3 CLJ 687. Di dalam kes itu, plaintif, seorang ibu kepada simati, seorang lelaki yang masih bujang dan berumur 25 tahun pada tarikh kemalangan, telah diaward ganti rugi bagi kehilangan penyara (loss of support) mendasarkan pendarab (multiplier) 16 tahun oleh Hakim perbicaraan. Di peringkat rayuan, Mahkamah Agung telah mengurangkan pendarab daripada 16 tahun kepada 7 tahun; di m.s. 695 Peh Swee Chin SCJ berkata:

> The distinctiveness of the loss of support from the loss of earnings is worth emphasizing once more because it is an indisputable fact that the duration of loss of support sustained by a parent in respect of an unmarried child ordinarily and simply cannot be ever as long as the duration of the loss of support sustained by a widow and her children in respect of her husband ...

Di dalam jawapannya, Peguam pihak plaintif (responden) berhujah fakta-fakta di dalam kes *Chan Chin Min* itu berbeza daripada kes ini. la menjelaskan di dalam kes itu anak lelaki plaintif masih bujang tetapi di dalam kes ini anak lelaki plaintif telah berumahtangga dan ada keluarga sendiri dan oleh itu autoriti itu tidak terpakai bagi kes ini. Seterusnya ia merujuk kepada keputusan Mahkamah di Singapura di dalam kes *Ng Siew Choo v. Tan Kian Choon* [1990] (Suit No. 1801 of 1987) MMD 1017, seperti diringkaskan. di mana Yong Pung How J telah membenarkan tuntutan seorang ibu bagi kehilangan penyara (loss of support) anaknya, simati; petikan daripada ringkasan kes itu berbunyi:

> Held (allowing the appeal on the mother's dependency claim): (1) a dependency claim is based on the pecuniary loss suffered by the dependent upon the death of the deceased. For such a claim to succeed it is not necessary that there be distinct evidence of pecuniary advantage to the claimant, so long as there is some basis of fact from which the inference could be drawn that there was a reasonable expectation of pecuniary benefits to the claimant, and therefore of prospective loss from the death of the deceased;

Selepas saya meneliti isu ini saya mendapat adalah jelas seorang ibu tidak dihalang menuntut ganti rugi bagi kehilangan penyara (loss of support) akibat kematiannya anaknya di bawah s. 7 Akta tersebut. Walaupun keterangan di dalam kes ini menunjukkan nafkah atau bantuan yang plaintif kedua menerima atau mengharapkan daripada anaknya, simati, tidak begitu tepat, tidak boleh dipertikaikan bahawa keterangan menunjukkan simati menanggung ibunya mengikut kemampuannya dan Hakim perbicaraan, setelah mendengar keterangan plaintif kedua (ibu simati), menggunakan darapan RM75 dengan pendarab 16 tahun. Saya mendapat darapan (multiplicand) RM75 yang digunakan dengan pendarab 16 tahun yang ditetapkan oleh Hakim perbicaraan bagi menghitung ganti rugi ini tidak keterlaluan dan oleh itu saya tidak bercadang mengganggunya. Keterangan menunjukkan plaintif kedua adalah seorang janda berumur 57 tahun pada masa itu dan ia tidak bekerja dan disamping itu ia menumpang di rumah anak perempuannya. Saya mendapat adalah munasabah dan bukanlah satu perkara luar biasa bagi anaknya, simati, menanggungnya walaupun simati telah berkahwin dan ada keluarga sendiri.

Oleh itu, mendasarkan kepada apa yang telah dibincangkan di atas, saya menolak rayuan defendan (perayu) terhadap award ini dan mengesahkan keputusan Hakim perbicaraan.

Peguam pihak defendan (perayu) juga bertikai award yang diberi bagi kehilangan faedah mendiami rumah kerajaan tidak berasas. la berhujah isu ini melibatkan sewaan dan definasi penanggungan (dependency) meliputi keseluruhannya termasuk makan, minum, pakaian dan sebagainya dan juga tempat tinggal dan oleh itu, tuntutan ini tidak seharusnya dibenarkan; disamping itu keterangan menunjukkan plaintif kedua tidak tinggal di rumah itu dan tidak berhak membuat tuntutan juga. la kemudian berhujah award ini seharusnya diketepikan dan sekiranya Mahkamah ini mengesahkan bahawa tuntutan ini boleh dibuat, award yang diberi harus dikurangkan memandangkan "purchase" 16 tahun yang dibenarkan oleh Hakim perbicaraan adalah kertelaluan.

Di dalam jawapannya, Peguam pihak plaintif (responden) berhujah award ini adalah teratur dan boleh diberi dan bagi menyokong hujahnya telah merujuk kepada kes *Clay v. Pooler* [1982] 3 All ER 570. Di dalam kes itu, keterangan menunjukkan simati telah diperuntukkan sebuah motokar oleh majikannya untuk digunakan bagi urusan rasmi syarikat dan juga bagi urusan peribadi. Pembiayaan motokar itu ditanggung oleh majikannya melainkan ia dikehendaki belanja wangnya untuk petrol semasa ia menggunakan motokar itu untuk urusan peribadi. Mengenai faedah seperti ini, Hodgson J telah berkata (di m.s. 575):

> It seems clear from that passage that Lord Wilberforce was saying that, where there were dependents of a deceased, necessary expenditure on them, although also on items enjoyed by the deceased, should be excluded from the calculation of the victim's probable living expenses;

dan di m.s. 577, berkata:

> I now turn to the assessment of damages under the Fatal Accidents Act claim. The multiplicand in cases where the claim is presented as it has been here consists of a proportion of the deceased's net earnings divided between the loss before and after trial, together with items which increase the value of dependency but do not come from the deceased's net income, here, the value of the company car and the deceased's substantial contribution as a handyman.

Menurut Peguam pihak plaintif (responden), kes ini menunjukkan Mahkamah telah mengambil kira faedah yang berbentuk motokar itu semasa menetapkan darapan (multiplicand) untuk digunakan bagi menghitung tuntutan ganti rugi plaintif di dalam kes itu bagi kehilangan penyara.

Saya mendapat fakta-fakta di dalam kes itu sangat berbeza memandangkan faedah tersebut telah diberi kepada simati oleh majikannya mendasarkan tugas jawatannya. Sebaliknya, di dalam kes ini, faedah yang dimaksudkan berbentuk rumah kerajaan dan oleh itu tertakluk kepada perintah-perintah yang terdapat di dalam Bab E, Perintah-perintah Am yang bertajuk "Rumah dan Bangunan Pejabat Kerajaan" yang mana adalah perintah-perintah yang telah dikeluarkan mengikut Fasal (2) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan dan terpakai kepada semua pegawai Kerajaan, termasuk simati.

Rekod rayuan tidak menunjukkan rujukan telah dibuat kepada Bab E, Perintah-perintah Am tersebut, yang mana, pada pendapat saya, adalah relevan. Rujukan juga tidak dibuat kepada Perintah-perintah Am tersebut oleh kedua-dua pihak di peringkat rayuan ini. Perintah Am 2, Bab E tersebut berbunyi:

> 2. (a) Kerajaan tiada bertanggunjawab untuk menyediakan rumah-rumah kediaman bagi pegawai-pegawainya melainkan sekadar yang dinyatakan dalam Perintah Am 3.
>
> (b) Walau bagaimanapun di mana Kerajaan ada menyediakan rumah-rumah kediaman yang berhampiran dengan tempat bertugas pegawai-pegawai dengan tujuan supaya

mereka tinggal di situ, atau Kerajaan mendirikan rumah-rumah khas untuk sesebuah Jabatan, maka Ketua Jabatan boleh menghendaki seseorang pegawai itu tinggal di rumah tersebut jika ini adalah untuk kepentingan perkhidmatan.

Perintah Am 3 memperuntukkan Kerajaan, atas budibicaranya boleh memperuntukkan rumah khas jabatan sekiranya pegawai itu dikehendaki tinggal berhampiran dengan tempat kerja mereka. Peraturan Am 5 pula memperuntukkan pegawai boleh diarah kosongkan rumah dengan memberi tempoh satu bulan.

Mendasarkan Perintah-perintah Am tersebut dan juga bahawa tiada keterangan yang menunjukkan simati telah diperuntukkan dengan rumah khas Jabatan Kerja Raya kerana kepentingan perkhidmatan, dan memandangkan bahawa kebenaran mendiami rumah kerajaan hanya menyerupai satu kemudahan yang boleh di tarik balik pada bila-bila masa dan bukanlah satu hak istimewa, saya berpendapat award yang diberi oleh Hakim perbicaraan, tidak berasas dan terlalu 'remote". Faedah mendiami rumah kerajaan bukanlah satu hak istimewa dan di samping itu, pihak plaintif (responden) tidak mengemukakan apa-apa keterangan yang menunjukkan simati disediakan rumah khas kerana kepentingan perkhidmatan. Faedah ini hanya diberi kepada pegawai-pegawai tertentu sahaja seperti dijelaskan di dalam Perintah-perintah Am tersebut dan keterangan di dalam kes ini tidak menunjukkan simati jatuh dibawah golongan ini. Memandangkan demikian, saya membenarkan rayuan pihak defendan (perayu) dan mengenepikan award ini.

(B) Guarnan Sivil No. 53-297-93-1:

Di bawah guaman ini, Peguam pihak perayu (defendan) memaklumkan ia mempertikaikan award-award yang bertindan yang diberi, secara berasingan, seperti berikut:

(a) ganti rugi bagi kehilangan khidmat pengurusan rumah tangga oleh simati selaku ibu (loss of general house-keeping services of the deceased as a mother) yang diberi mendasarkan darapan (multiplicand) RM350 dengan pendarab (multiplier) 13 1/3 tahun; Hakim perbicaraan telah mengaward pendarab seperti berikut:

(i) kehilangan sebelum perbicaraan (RM350 x 25) ... RM 8,750
(dengan faedah pada kadar 4% setahun
daripada tarikh kemalangan);

(ii) kehilangan sesudah perbicaraan (RM350 x 135) ... RM35,900*
(mendasarkan "actuary tables")

[*Jika perhitungan dibuat secara terus, jumlahnya ialah - RM350 x 135 = RM47,250.00]; dan

(b) ganti rugi bagi kehilangan khidmat simati selaku ibu (loss of deceased's services as a mother) yang diberi mendasarkan darapan (multiplicand) RM100 dengan pendarab (multiplier) 13 1/3 tahun; Hakim perbicaraaan telah mengaward seperti berikut:

(i) kehilangan sebelum perbicaraan (Rml00 x 25 bulan) ... RM2,500;

(ii) kehilangan sesudah perbicaraan (Rml00 x 135 bulan) … RM10,008*
(mendasarkan "actuary tables").

[*Jika perhitungan dibuat secara terus, jumlahnya ialah - RM100 x 135 = RM13,500].

Peguam pihak defendan (perayu) berhujah ia bersetuju bahawa s. 7 Akta tersebut tidak menghalang tuntutan ganti rugi bagi kehilangan khidmat simati selaku ibu dan mengakui

bahawa mendasarkan kes *Chong Pik Sin & Anor. v. Ng Mun Bee & Ors.* [1985] 1 MLJ 433 kehilangan bagi "loss of services gratuitiously performed by the late mother" boleh dituntut. Walau pun demikian, Peguam berhujah award-award yang diberi secara berasingan mengenai perkara yang sama ini oleh Hakim perbicaran adalah tidak berpatutan kerana award bertindan. la juga bertikai pendarab (multiplier) bagi menghitung tuntutan ini, iaitu, 13 1/3 tahun, tidak berasas dan sepatutnya dikurangkan kepada 8 tahun seperti terdapat di dalam kes *Chong Pik Sing* tersebut, di mana fakta-fakta yang terdapat hampirnya sama dengan kes ini. Peguam kemudian merujuk kepada m.s. 436 kes itu, di mana Seah SCJ berkata:

> At the time of the death of their mothers on 10 March 1979 the eldest daughter was 7 years old, the second daughter was 5 and the youngest son was 2 years of age. So at the trial in January 1984 they were 12, 10 and 7 years old respectively. The learned Judge used a multiplier of 11 years to assess the post-trial loss notwithstanding that the ages of the children varied from 12 to 7. This was plainly wrong as the three children would not all be solely dependent on their mother for the whole period of eleven years because after attaining their eighteen birthdays the two elder daughters would be self-supporting, would probably get employment or even get married. In fact, only the youngest son would be dependent for the whole eleven years (see *Kassam v. Kampala Aerated Water Co.*). Taking these matters into consideration, coupled with the vicissitudes of life and the fact that a lump sum is being paid in advance, we would adopt a multiplier of 8 for the purpose of calculating the post-trial loss of the three children.

Di dalam jawapannya Peguam pihak plaintif (responden berhujah award-award yang diberi secara berasingan oleh Hakim perbicaraan adalah teratur dan berpatutan; ia menegaskan kehilangan ini hendaklah diasingkan kepada "loss of housekeeping services" dan "loss of services as mother" dan oleh itu boleh dituntut secara berasingan. Bagi menyokong hujahnya ia merujuk kepada kes *Mehmet v. Perry* [1977] 2 All ER 529. Di dalam kes itu ibu kepada 5 kanak-kanak yang berumur 17 kebawah telah mati akibat satu kemalangan jalan raya. Mahkamah telah memutuskan kanak-kanak itu berhak mendapatkan sebagai sebahagian ganti rugi "a sum for the loss of her personal attention to them as a mother, as distinct from her services as a housekeeper". Peguam juga merujuk kepada kes *Regan v. Williamson* [1976] 2 All ER 241 yang, menurutnya, juga mengasingkan kedua-dua tuntutan ini. Di m.s. 244 Hakim berkata:

> While I think that the law inhibits me from, much as I should like to, going all the way along the path to which Lord Edmund Davies pointed, I am, with due respect to the other judges to whom I have referred, of the view that the word 'services' has been too narrowly construed. It should, at least, include an acknowledgment that a wife and mother does not work to set hours and, still less, to rule. She is in constant attendance, save for those hours when she is, if that is the fact, at work. During some of those hours she may well give the children instruction on essential matters to do with their upbringing and, possibly, with such things as their home-work. This sort of attention seems to be as much of a service, and probably more valuable to them, than the other kinds of service conventionally so regarded.

Peguam menegaskan kedua-dua kes ini menunjukkan Mahkamah membezakan kedua-dua kehilangan ini dan telah memberi award secara berasingan. Saya tidak bersetuju. Pada penelitian saya, Mahkamah di dalam kedua-dua kes itu tidak berbuat demikian tetapi telah hanya mengambil kira kedua-dua aspek tersebut untuk menghitung ganti rugi.

Kesimpulannya saya bersependapat dengan hujah Peguam pihak defendan (perayu) bahawa award yang diberi oleh hakim perbicaraan secara berasingan itu bertindan dan pendarab (multiplier) pada 13 1/3 tahun adalah kertelaluan dan oleh itu saya mengenepikannya kedua-duanya award itu dan menggantikannya dengan satu award sahaja, iaitu, bagi "loss of general

house-keeping services of deceased as a mother", mendasarkan darapan (mutiplicand) RM350 dengan pendarab (multiplier) sesudah perbicaraan sebanyak 8 tahun, saya mendapat award yang berikut adalah berpatutan:

(a) kehilangan sebelum perbicaraan pada

RM350 bagi 25 bulan ... RM8,750

(b) kehilangan sesudah perbicaraan pada

RM350 bagi 96 bulan ... RM33,600

Saya telah menggunakan darapan RM350 memandangkan darapan RM200 yang digunakan di dalam kes *Chong Pik Sing* telah dibuat pada tahun 1985 dan oleh itu tidak bersesuaian bagi masa sekarang. Bagi award mengenai kehilangan sebelum perbicaraan saya membenarkan faedah pada kadar 4% setahun daripada tarikh kemalangan sehingga tarikh penghakiman. Saya mengesahkan perintah Hakim perbicaraan bahawa kos hendaklah dibayar oleh perayu.

Di dalam beberapa award yang dipertikaikan di atas, saya melihat Hakim perbicaraan telah membuat perhitungan mendasarkan "actuary tables' yang mana, pada pendapat saya adalah tidak bersesuaian. Di dalam buku bertajuk "*Personal lnjury Litigation - Practice and Precedents*" oleh Iain S. Goldrein dan Margaret R. de Haas (Butterworths - 1985), di m.s. 131, penulis berpendapat:

> Actuarial evidence is not exclusively a mathematical exercise. On the contrary, it is a compilation of figures behind which lies, invisibly, the judgment of the actuary. Thus the introduction of actuarial evidence as a primary method of calculating future loss would be to usurp the authority and wisdom of the Court, to which is delegated exclusively the responsibility for exercising judgments;

dan di mukasurat yang sama berkata:

> There is no place for actuarial evidence as a 'primary method of assessment'. Thus the multiplier/multiplicand method must be applied. As Edmund Davies LJ held in *Mitchell v. Mulholland (No.2)* [1972] 1 QB 65 at 77F, [1971] 2 All ER 1205 at 1213a, CA: The experience of practitioners and judges in applying the normal method is the best primary basis for making assessments.